PUBLIC BANK BHD

lwn.

DATUK MOHD ALI HJ ABDUL MAJID & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
MOHTARUDIN BAKI H
[GUAMAN NO: MT2-22-8-2004]
27 NOVEMBER 2008

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman - Penghakiman terus - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 - Rayuan terhadap penghakiman terus - Kegagalan menjawab afidavit sokongan - Sama ada Timbalan Pendaftar tiada pilihan selain daripada membenarkan permohonan plaintif untuk penghakiman terus - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 k. 3(1)*

GANTIRUGI: *Tuntutan - Butir-butir terperinci - Kegagalan memberi butir spesifik - Kegagalan mengemukakan afidavit atau resit bayaran - Sama ada gantirugi perlu ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar - Sama ada gantirugi perlu diplidkan dan dibuktikan secara spesifik*

Ini adalah rayuan oleh defendan-defendan pertama dan kedua terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Plaintif adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan selaku sebuah bank. Defendan pertama dan defendan kedua adalah pada setiap masa yang material menjalankan pekerjaan sebagai peguamcara dan peguambela dalam bentuk pengongsian di bawah nama Tetuan Mohd Ali & Co (pihak defendan). Pada semua masa yang material, pihak defendan telah bertindak sebagai peguamcara dan peguambela plaintif. Plaintif telah mengarahkan pihak defendan untuk memulakan prosiding undang-undang untuk menuntut balik amaun tunggakan dari pinjaman kemudahan overdraf, deposit tetap dan kemudahan surat amanah yang diberikan kepada syarikat Oda Holdings (M) Development Corporation Sdn Bhd. ('ODA'). Defendan-defendan telah menghantar surat tuntutan kepada ODA dan penjamin ODA untuk menuntut balik amaun tertunggak dalam pinjaman kemudahan overdraf, deposit tetap dan kemudahan surat amanah yang telah diberikan kepada mereka. Pada 17 Mac 1998, pihak defendan telah mengeluarkan satu notis mengikut s. 218 Akta

Syarikat 1965 menuntut daripada ODA wang tertunggak berjumlah RM899,190.13 yang termasuk faedah dari tarikh 1 November 1986 sehingga 28 Februari 1998 ('notis s. 218'). ODA telah gagal membuat bayaran untuk jumlah wang RM899,190.13 mengikut penghakiman di dalam masa berkanun yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 meskipun notis s. 218 dikeluarkan oleh defendan bagi pihak plaintif. Pihak defendan telah menyediakan dan memasukkan petisyen penggulungan syarikat terhadap ODA dalam satu tindakan penggulungan syarikat ('petisyen'). ODA telah membantah petisyen tersebut. Seterusnya, mahkamah telah menerima bantahan ODA dan membuang petisyen tersebut dengan alasan yang notis petisyen adalah notis yang cacat dari segi undang-undang. Notis s. 218 telah dihakimi sebagai cacat kerana amaun yang dituntut adalah lebih daripada enam tahun dari tarikh yang genap dan boleh dituntut untuk faedah penghakiman. Oleh itu, petisyen dibuang keluar. Oleh yang demikian, plaintif telah menuduh defendan cuai dalam menjalankan litigasi kes yang merangkumi tuntutan mereka terhadap ODA dan telah mengalami kerugian disebabkan oleh kecuaian defendan.

Diputuskan (membenarkan sebahagian rayuan iaitu kerugian perlu ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar):

(1) Defendan-defendan tidak menjawab afidavit sokongan di bawah permohonan penghakiman terus. Mengikut A. 14 k. 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan undang-undang matan, defendan-defendan bertanggungjawab untuk menimbulkan isu-isu yang perlu dibicarakan. Kegagalan defendan-defendan memfailkan afidavit jawapan dan juga gagal memfailkan hujah bertulis menyebabkan Timbalan Pendaftar tiada pilihan selain daripada membenarkan permohonan plaintif untuk penghakiman terus. (perenggan 4)

(2) Afidavit sokongan tidak memberi butir-butir terperinci secara spesifik bagaimana tuntutan plaintif RM899,190.13 diperolehi. Walaupun eksibit di bawah afidavit tersebut melampirkan statement of account, ianya dialamatkan kepada defendan untuk tuntutan terhadap ODA Holdings (M) Development Corp Sdn Bhd dan bukan tuntutan terhadap defendan sendiri. Statement of account tersebut tidak dinyatakan siapakah yang menyediakannya. Mahkamah ini memutuskan gantirugi ini perlu ditaksirkan di hadapan Timbalan Pendaftar. (perenggan 10)

(3) Plaintif telah juga menuntut gantirugi RM26,202.55 tetapi tiada keterangan bahawa jumlah ini sebenarnya telah dibayar oleh plaintif kerana tiada afidavit atau resit bayaran dikemukakan. Plaintif juga telah menuntut gantirugi RM13,691.70 'retainer' yang dibayar oleh plaintif kepada defendan tetapi sekali lagi tiada afidavit atau resit bayaran diberikan sebagai bukti. Perkhidmatan telah diberi; dengan itu bayaran 'retainer' tidak boleh dituntut semula 'irrespective' kecuaian yang dikatakan berlaku. Gantirugi teladan tidak diplidkan. (perenggan 12 & 13)

(4) Gantirugi perlu diplidkan secara spesifik dan juga perlu dibuktikan secara spesifik. Plaintif tidak boleh 'lemparkan' kepada mahkamah bahawa ini adalah kerugiannya dan meminta mahkamah arahkan defendan bayar. Plaintif masih perlu buktikan kerugian tersebut. (perenggan 15 & 16)

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 218
Limitation Act 1953, s. 6(3)
Rules of the High Court 1980, O. 14 r. 3(1)

Bagi pihak perayu - Cik Sharmini; T/n TS Oon & Partners
Bagi pihak responden - Chow Yee Wan; T/n Iza Ng Yeoh & Kit

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki H:

[1] Ini adalah rayuan oleh defendan-defendan pertama dan kedua terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Nota: Plaintif telah failkan hujah bertulis tetapi defendan pertama dan kedua gagal memfailkan hujah bertulis sebelum tarikh keputusan di hadapan Timbalan Pendaftar.

Penghakiman

Defendan-Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan setelah tindakan ini ditetapkan untuk pendengaran permohonan Plaintif untuk suatu perintah Penghakiman Terus di bawah Aturan 14 Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan setelah Mahkamah membenarkan permohonan Plaintif di

bawah Aturan 14 Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan-Defendan.

MAKA ADALAH PADA HARI INI DIHAKIMI bahawa Defendan-Defendan hendaklah membayar kepada Plaintif jumlah-jumlah wang seperti berikut:-

(a) Ganti rugi sebanyak RM899,190.13;

(b) Faedah pada kadar lapan peratus (8%) setahun atas RM899,190.13 dari 12-1-2004 sehingga tarikh ianya dijelaskan secara penuh dan muktamad;

(c) Ganti rugi sebanyak RM26.202.55;

(d) Faedah pada kadar lapan peratus (8%) setahun ke atas jumlah RM26,202.55 dari 12-1-2004 sehingga tarikh ianya dijelaskan secara muktamad dan sepenuhnya;

(e) RM13,691.70;

(f) Faedah pada kadar lapan peratus (8%) setahun ke atas jumlah RM13,691.70 dari 12-1-2004 sehingga tarikh ianya dijelaskan secara penuh dan muktamad; dan

(g) Kos keseluruhan tindakan ini untuk ditaksirkan oleh Mahkamah.

[2] Saya telah membenarkan sebahagian rayuan iaitu, gantirugi yang dituntut adalah perlu ditaksirkan keputusan mengenai liabiliti dikekalkan.

[3] Fakta Kes

i. Plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan perniagaan selaku sebuah bank dan alamat berdaftarnya adalah di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

ii. Defendan pertama dan defendan kedua adalah pada setiap masa yang material menjalankan pekerjaan sebagai peguamcara & peguambela dalam bentuk pengongsian di bawah nama Tetuan Mohd Ali & Co. Defendan pertama dan defendan kedua dalam keseluruhan akan dirujuk sebagai "pihak defendan". Pada semua masa yang material, pihak defendan telah bertindak sebagai peguamcara dan peguambela plaintif.

iii. Melalui surat bertarikh 16 Mei 1986, plaintif telah mengarahkan pihak defendan untuk memulakan prosiding undang-undang untuk menuntut balik amaun tunggakan dari pinjaman kemudahan overdraf, deposit tetap dan kemudahan surat amanah yang diberikan kepada syarikat Oda Holdings (M) Development Corporation Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai "ODA") mengikut surat tawaran/kemudahan perjanjian bertarikh 7 Januari 1985 dan 26 Februari 1985. Encik Ong Ah Sim @ Ong Swee Hoe dan Encik Abdullah bin Ahmad adalah penjamin kepada plaintif bagi pihak ODA (selepas ini dikenali sebagai secara keseluruhan "penjamin ODA") mengikut surat penjaminan bertarikh 8 Mac 1985. Defendan-defendan telah menghantar surat tuntutan bertarikh 5 Jun 1986 kepada ODA dan penjamin ODA untuk menuntut balik amaun tertunggak dalam pinjaman kemudahan overdraf, deposit tetap dan kemudahan surat amanah yang telah diberikan kepada mereka.

iv. Pada 10 April 1987, pihak defendan telah memasuki Penghakiman Ingkar Pembelaan (selepas ini dikenali sebagai "penghakiman tersebut") terhadap ODA berikutan kepada guaman sivil di Mahkamah Tinggi Melaka yang bernombor No. 23-121-1986 (selepas ini dikenali sebagai "tindakan tersebut") untuk jumlah wang sebanyak RM614,690.07 untuk tuntutan semula kemudahan overdraf.

v. Jumlah wang dalam kemudahan overdraf yang perlu dibayar kepada plaintif pada masa ini adalah RM899,190.13.

vi. Pihak defendan pada 17 Mac 1998 telah mengeluarkan terhadap:

a. Satu notis mengikut s. 218 Akta Syarikat 1965 bertarikh 17 Mac 1998 menuntut daripada ODA wang tertunggak dalam penghakiman tersebut yang berjumlah RM899,190.13 yang termasuk faedah dari tarikh 1 November 1986 sehingga 28 Februari 1998 perlulah dibayar dalam masa 21 hari dan jikalau bayaran gagal dibuat petisyen penggulungan syarikat akan diberikan kepada ODA (selepas ini dikenali sebagai "notis s. 218").

b. Mengikut s. 6(3) Akta Had Masa 1953, had masa untuk kausa tindakan keseluruhan plaintif telah berakhir pada 9 April 1999 iaitu tarikh terakhir bagi perluputan masa 12 tahun yang bermula dari tarikh penghakiman boleh

dikuatkuasakan. Seksyen 6(3) Akta tersebut juga membekalkan syarat yang faedah kepada penghakiman penghutangan haruslah dituntut balik dalam masa enam tahun dari tarikh ia genap iaitu bagi penghakiman, pengiraan tarikh bermula enam tahun dari tarikh 1 November 1986, yang merupakan tarikh dari mana faedah genap masa dan boleh dituntut. Dengan itu, di dalam notis s. 218 Akta Syarikat 1965 seharusnya hanya patut menyatakan faedah sehingga 31 Oktober 1992 untuk menjadi sah dan boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang.

vii. ODA telah gagal membuat bayaran untuk jumlah wang RM899.190.13 mengikut penghakiman di dalam masa berkanun yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 meskipun notis s. 218 dikeluarkan oleh defendan bagi pihak plaintif mengikut s. 218 Akta Syarikat 1965 bertarikh 17 Mac 1998. Pihak defendan telah menyediakan dan memasukkan petisyen penggulungan syarikat terhadap ODA dalam satu tindakan penggulungan syarikat di Mahkamah Tinggi Melaka dalam petisyen bernombor 28-23-1998 (selepas ini disebut sebagai "petisyen").

viii. ODA telah membantah petisyen tersebut menggunakan alasan yang plaintif telah menuntut dalam petisyennya jumlah wang tunggakan selaku liabiliti ODA mengikut tuntutan penghakiman yang turut termasuk lebih daripada faedah enam tahun dari tarikh 1 November 1986 dan dengan itu, notis 218 adalah tidak sah dari segi undang-undang dan petisyen ini haruslah dibuang.

ix. Mahkamah Tinggi Melaka pada 22 Jun 1999 telah menerima bantahan dari ODA dan membuang petisyen dengan kos dengan alasan yang notis petisyen adalah notis yang cacat dari segi undang-undang. Notis s. 218 telah dihakimi sebagai cacat kerana amaun yang dituntut adalah lebih daripada enam tahun dari tarikh yang genap dan boleh dituntut untuk faedah penghakiman dan kerana notis s. 218 adalah cacat untuk sebab-sebab di atas, maka petisyen akan dibuang keluar.

x. Oleh yang demikian, plaintif telah menuduh defendan cuai dalam menjalankan litigasi kes yang merangkumi tuntutan mereka terhadap ODA dan telah mengalami kerugian disebabkan oleh kecuaian defendan.

Permohonan Plaintif Di Bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 1980

[4] Defendan-defendan tidak menjawab afidavit sokongan di bawah permohonan penghakiman terus. Mengikut A. 14 k. 3(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan undang-undang matan (trite), defendan-defendan bertanggungjawab untuk menimbulkan isu atau isu-isu yang perlu dibicarakan. Kegagalan defendan-defendan memfailkan afidavit jawapan dan juga gagal memfailkan hujah bertulis menyebabkan Timbalan Pendaftar tiada pilihan selain daripada membenarkan permohonan plaintif untuk penghakiman terus.

[5] Isu seterusnya mengenai gantirugi. Tuntutan plaintif pada asasnya berdasarkan kepada kecuaian/negligence.

[6] Tuntutan plaintif di ms 25 penyata tuntutan terpinda jelas menuntut:

a) Gantirugi sebanyak RM899,190.13 atau secara alternatif gantirugi untuk ditaksirkan terhadap defendan-defendan

[7] Defendan di dalam perenggan 8 penyata pembelaan menafikan kandungan di dalam perenggan 21, 23 dan 25 penyata tuntutan dan plaintif diletakkan atas beban bukti yang kukuh.

[8] Dari perenggan 17 afidavit sokongan (kandungan (24)) yang juga mengeksibitkan dua perintah ingkar yang diperolehi jumlah penghakiman:

(i) Kes No. 23-121-1986:

a) RM614,690.07 bagi kemudahan overdraft;

b) Faedah 16.25% setahun atau kadar yang boleh ditentukan oleh plaintif dari 1 November 1986 sehingga pembayaran penuh;

c) RM308.50 sebagai kos;

d) RM16 sebagai kos alokatur.

(ii) Kes No. 23-122-1986:

a) RM248,375.60 bagi kemudahan pinjaman tetap;

b) faedah 14.5% setahun atau kadar lain yang mungkin ditentukan oleh plaintif dari masa ke semasa dengan rehat tahunan dari 1 November 1986 sehingga pembayaran penuh;

c) RM308.50 sebagai kos;

d) RM16 sebagai kos alokatur.

[9] Afidavit sokongan tersebut tidak memberi butir-butir terperinci secara spesifik bagaimana tuntutan plaintif RM899,190.13 diperolehi.

[10] Walaupun eksibit di bawah afidavit tersebut melampirkan statement of account, ianya di alamat kepada defendan untuk tuntutan terhadap ODA Holdings (M) Development Corp. Sdn Bhd dan bukan tuntutan terhadap defendan sendiri. Statement of account tersebut tidak dinyatakan siapakah yang menyediakannya. Surat iringan ditandatangan oleh seorang bersama Chan Sow Leng, manakala afidavit sokongan (kandungan (24)) dibuat oleh seorang bernama Christopher Niap Tien Choy.

[11] Atas alasan ini saya memutuskan gantirugi ini perlu ditaksirkan di hadapan Timbalan Pendaftar.

Gantirugi Kedua

[12] RM26,202.55 tiada keterangan bahawa jumlah ini sebenarnya telah dibayar oleh plaintif. Tiada afidavit atau resit bayaran dikemukakan.

Gantirugi Ketiga

[13] RM13,691.70 bayaran 'retainer' yang dibayar oleh plaintif kepada defendan. Sekali lagi tiada afidavit atau resit bayaran sebenarnya telah dibuat oleh plaintif kepada defendan.

Keduanya samada plaintif boleh menuntut kembali bayaran ini untuk perkhidmatan yang diberikan oleh defendan.

[14] Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa perkhidmatan telah diberi; dengan itu bayaran 'retainer' tidak boleh dituntut semula 'irrespective' kecuaian yang dikatakan berlaku. Gantirugi teladan tidak diplidkan.

[15] Gantirugi perlu diplidkan secara specifik dan juga perlu dibuktikan secara spesifik. Plaintif tidak boleh 'lemparkan' kepada mahkamah: ini kerugian saya dan saya minta mahkamah arahkan defendan bayar. Plaintif masih perlu buktikan kerugian tersebut.

[16] Atas alasan-alasan di atas, saya membenarkan sebahagian rayuan iaitu kerugian perlu ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar.